

**Rizab Antarabangsa Bank Negara Berjumlah RM426.7 Bilion Pada Feb
Bernama
7 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM426.7 bilion (bersamaan dengan US\$134.7 bilion) pada 29 Feb, 2012.

Rizab itu mencukupi untuk membiayai 9.4 bulan import tertanggung dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek, kata bank pusat itu dalam satu kenyataan.

Ia berkata komponen utama rizab antarabangsa ialah mata wang asing (US\$121.0 bilion); Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (US\$800 juta); Hak Pengeluaran Khas (SDRs) (US\$2 bilion); emas (US\$1.8 bilion) dan rizab-rizab lain (US\$9.1 bilion).

Jumlah asetnya, termasuk rizab antarabangsa berjumlah RM478.590 bilion.

Aset-aset lain bank pusat termasuk kertas kerajaan Malaysia (RM2.194 bilion); deposit dengan institusi kewangan (RM30.972 bilion); pinjaman dan pendahuluan (RM10.536 bilion); dan rizab-rizab lain (RM8.158 bilion).

Modal dan liabilitinya terdiri daripada modal berbayar (RM100 juta); dana rizab am (RM13.644 bilion); rizab-rizab lain (RM15.709 bilion); mata wang dalam edaran (RM61.571 bilion); deposit oleh institusi kewangan (RM201.211 bilion); deposit kerajaan persekutuan (RM7.645 bilion); deposit-deposit lain (RM13.130 bilion); kertas Bank Negara (RM122.404 bilion); peruntukan hak pengeluaran khas (RM6.548 bilion); dan liabiliti-liabiliti lain (RM36.627 bilion).

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650585>